

Malaysia balas tindakan Israel

BH - 26/10/2019 M/S: 2

Buka kedutaan untuk Palestin di Jordan salur bantuan, bantah isu Baitulmaqdis

lehan kami menghulurkan bantuan kepada rakyat Palestin dengan lebih mudah biarpun Israel akan mencari jalan untuk memastikan tiada bantuan sampai kepada Palestin," katanya.

Perdana Menteri berkata, Israel berterusan 'menjerut' Palestin dan rakyatnya' dengan merampas lebih banyak tanah tetapi masyarakat antarabangsa tidak berbuat apa-apa.

"Sangat menyedihkan apabila pertubuhan dunia yang ditubuhkan negara kuasa besar kini menyaksikan mereka ini mengetepikan pelbagai resolusi badan dunia itu.

"Malah, kini kita pula menyaksikan pihak lain melakukan perkara sama," katanya merujuk kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menggesa negara anggota NAM yang sudah memindahkan kedutaan ke Baitulmaqdis atau merancang untuk berbuat demikian supaya menimbang semula keputusan mereka.

Terdahulu, ketika menyentuh soal perang perdagangan, Dr Mahathir berkata kemelut itu mencetuskan ketidaktentuan dan menyunkarkan negara-negara sukar merancang pembangunan.

Beliau berkata, perang perdagangan antara dua kuasa besar itu akan merosakkan sistem perdagangan dunia dengan tarif dan kekangan lain kepada perdagangan bebas akan menjadi kelaziman baharu.

"Perang perdagangan Amerika Syarikat (AS) dan China mungkin petanda kepada sesuatu yang lebih buruk lagi dengan persaingan antara kedua-dua negara kuasa besar itu akan berterusan tanpa penghujungnya," katanya.

Mengenai usaha menjadikan perang sebagai jenayah, Dr Ma-

hathir mengulangi pendirian yang dinyatakan semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), di New York, bahawa berperang bukan cara untuk menyelesaikan pertelingkahan.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, sebarang pertelingkahan perlu diselesaikan secara rundingan atau timbang tara oleh pihak ketiga.

"Atau serahkan kepada perundangan, contohnya Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Kami menyatakan ini kerana Malaysia bukan sekadar omong kosong. Kami lakukan.

"Kami menyelesaikan pertikaian dengan negara jiran secara rundingan atau di mahkamah dunia. Ada yang kami menang, ada yang kami kalah tetapi tiada sesiapa pun yang terkorban," katanya.

Mengakhiri ucapannya, Dr Mahathir menggesa negara anggota NAM bersatu dalam menghadapi negara kuasa besar serta cabaran dunia masa kini.

Beliau berkata, negara anggota NAM berpecah bukan kerana tidak yakin dengan nilai dan prinsip yang dikongsi bersama tetapi kerana tertarik dengan manfaat ekonomi dan perdagangan yang dijanjikan negara kuasa besar.

"Dalam dunia berbahaya yang kita tinggal sekarang ini, kita mesti mempertahankan 10 prinsip Persidangan Bandung pada 1955. Tetapi kita perlu melakukannya bersama-sama. Hanya dengan cara itu kita dapat memulihkan NAM untuk memenuhi matlamatnya.

"Hanya dengan cara itu juga kita dapat menghentikan segala ketidakadilan yang kita saksikan hari ini. Hanya selepas itu kita dapat melihat dunia yang stabil, aman dan harmoni," katanya.

Baku, Azerbaijan

Mimi Syed Yusof

bhnews@nstp.com.my



Malaysia akan membuka kedutaan untuk Palestin sebagai tindak balas terhadap perbuatan Israel mengisytihar Baitulmaqdis ibu negaranya dan tindakan negara Barat menyokong keputusan negara Yahudi itu.

Kedutaan yang akan ditempatkan di Jordan itu akan membolehkan Malaysia memberikan bantuan dan sokongan yang diperlukan rakyat Palestin.

Perkara ini diumumkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika berucap pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Ke-18 di Baku Congress Centre, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, rejim ganas Israel giat meluaskan penempatan haram di tanah milik rakyat Palestin dan mengumumkan akan mengambil sebahagian daripada Tebing Barat, iaitu tindakan yang menyalahi undang-undang antarabangsa.

"Malaysia akan membuka kedutaan untuk Palestin. Kita tahu Israel tidak akan benarkan Malaysia membuka kedutaan di wilayah didudukinya. Justeru, ia akan ditempatkan di Jordan.

"Kedutaan ini akan membo-